



SOALAN

Bilakah masanya untuk menggunakan *adalah* dan *ialah*?

Oleh: Nur Ariena Bte Rahimi, Darjah 5C, Sekolah Rendah Zhonghua

JAWAPAN

Perhatikan ayat-ayat berikut.

1. Orang tua itu ***adalah*** orang tua saya.
2. Muslim yang baik ***adalah*** jiran yang baik.
3. Kereta api MRT ***adalah*** pengangkutan yang paling popular.
4. Dadah ***adalah*** bahan yang boleh merosakkan kesihatan.

Ialah dan *adalah* disebut kata pemeris. Ayat-ayat 1 – 4 mengandungi penggunaan kata pemeris *adalah* yang salah.

Kata Pemeris ***adalah*** biasanya digunakan **di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi** untuk menyatakan maksud huraian (kualitatif) lanjut mengenai sesuatu benda (subjek). Ayat contoh:

- Semua yang dikatakannya ***adalah*** dusta. (**frasa adjektif**)
- Tuduhan ke atasnya ***adalah*** tidak benar. (**frasa adjektif**)
- Peraturan baru itu ***adalah*** daripada pengetua. (**frasa sendi**)
- Harta peninggalan Pak Abu ***adalah*** untuk isterinya. (**frasa sendi**)

Oleh sebab kata pemeris ***adalah*** dalam ayat 1-4 itu diikuti dengan frasa nama, maka kata pemeris *ialah* yang paling sesuai digunakan. Jadi, ayat tersebut hendaklah ditulis begini:

1. Orang tua saya ***ialah*** orang tua itu.
2. Jiran yang baik ***ialah*** Muslim yang baik.
3. Pengangkutan yang paling popular ***ialah*** kereta api MRT.
4. Dadah ***ialah*** bahan yang boleh merosakkan kesihatan.

Oleh sebab kata pemeris ***ialah*** mempunyai persamaan maksud, kedudukan subjek dan predikat boleh bertukar tempat:

- Orang tua itu ***ialah*** orang tua saya.
- Muslim yang baik ***ialah*** jiran yang baik.
- Kereta api MRT ***ialah*** pengangkutan yang paling popular.
- Bahan yang boleh merosakkan kesihatan ***ialah*** dadah